

03 JUL 2000

Mahkamah-Tembak

BAHAGIAN KEPALA SASARAN UNTUK TEMBAK MATI ENAM LELAKI

TUMPAT, 3 Julai (Bernama) -- Seorang pakar patologi memberitahu Mahkamah Majistret di sini bahawa bahagian kepala merupakan sasaran tembakan yang menyebabkan kesemua enam lelaki mati dalam kejadian di Kampung Neting, kilometer 25 Jalan Kota Baharu-Pengkalan Kubor pada 3 Okt 1998.

Ketua Jabatan Patologi Hospital Kuala Terengganu, Dr Abdul Karim Tajuddin berkata hasil bedah siasat ke atas kesemua mayat mangsa mendapati lebih daripada satu kesan tembakan di bahagian kepala ditemui.

"Posisi tembakan juga lebih daripada satu arah kerana terdapat mangsa yang kesan tembakan dari hadapan, kanan dan kiri," katanya ketika menyambung keterangan dalam inkues terhadap kejadian polis menembak mati enam lelaki yang menaiki sebuah van kerana disyaki terlibat dalam kumpulan penyeludupan senjata api di Kampung Neting itu.

Enam lelaki yang ditembak mati itu ialah Ramachandran Sitaraman, 37, Subramaniam Kannapareddy, 38, Ravi Suppayah, 33, Ganesan Sinasamy, 30, Shumugam Kupusamy, 21, S. P. Rajendran Subramaniam, 37.

Inkues itu diadakan berikutan memorandum yang dihantar oleh Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Jenayah, Mohd Apandi Ali bagi pihak Majlis Peguam Malaysia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri tahun lepas.

Inkues itu diadakan di hadapan Majistret Ahmad Bazli Bahruddin yang bertindak sebagai koroner manakala Mohd Apandi sebagai peguam pemerhati bagi pihak Majlis Peguam.

Dr Abdul Karim berkata, pemeriksaannya juga mendapati terdapat kecederaan luka tembak berganda yang telah merosakkan otak dan dasar tulang tengkorak yang menyebabkan "mangsa mati serta merta".

Bahagian lain anggota mangsa yang terdapat kesan tembakan ialah lengan, tangan, dada, bahu, rusuk dada dan perut, katanya.

Beliau berkata pemeriksaannya mendapati pada mayat Ravi terdapat lapan kesan luka tembakan masuk, Shumugam enam luka tembakan masuk, S. P. Rajendran dan Ganesan masing-masing lima luka tembakan masuk.

Dr Abdul Karim berkata terdapat di kalangan mangsa ditembak dari jarak dekat berdasarkan beberapa kesan peluru pada anggota badan mangsa.

"Mayat Subramaniam terdapat luka bakar bentuk lonjong pada bahagian atas dada kanannya yang disebabkan kepanasan peluru yang ditembak dari jarak dekat kurang dari 1 meter," katanya ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Azman Abdullah.

Inkues itu ditangguhkan sehingga 14 Ogos.

-- BERNAMA

BD NMO